

▼08/02/21-54MST

R GB 08-02 00197 BA520

aab

Mahathir - Selatan

KERJASAMA SELATAN-SELATAN MENUNJUKKAN HASIL

I

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama)-- Kerjasama Selatan-Selatan mula menunjukkan hasil ekoran pelbagai inisiatif dan program yang dijalankan pada forum Kumpulan 15 (G-15), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

"Malaysia akan terus berkongsi pengalaman dan memberi sumbangan setakat yang mampu untuk menjadikan kerjasama Selatan-Selatan lebih berkesan," kata beliau pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri Mauritius, Sir Anerood Jugnauth di Seri Perdana di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi (SITTDEC) yang dilancarkan semasa persidangan kemuncak ketiga G-15 di Senegal pada November merupakan dayausaha untuk memupuk kerja sama dan perdagangan di kalangan negara membangun. Malaysia menganjurkan persidangan kemuncak pertama pada 1990.

Beliau menyifatkan SITTDEC sebagai "halaman kuning" bagi kalangan ahli perniagaan dan mempelawa Mauritius menyumbang kepada kemudahan yang baru ditubuhkan di ibu pejabatnya di sini kerana ia boleh memberi sumbangan ke arah pertumbuhan ekonomi republik itu.

Sir Anerood tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi selama empat hari. Lawatan beliau ke Malaysia yang lepas ialah pada 1990 apabila menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini. -- Lagi.

▼08/02/21-49MST

Dr Mahathir berkata : "Kebanyakan negara di Selatan mempunyai kemahiran dan kepakaran dan tidak kurang juga kapasiti pertanian dan industri yang boleh memanfaatkan negara lain.

"**Dalam** konteks ini, Malaysia berpegang kuat kepada kepercayaan bahawa kerjasama Selatan-Selatan bukan sahaja mungkin tetapi juga praktikal."

Beliau mengimbas kembali lawatan rasminya yang pertama ke Port Louis, ibu negara Mauritius lima tahun lepas, yang meletakkan asas bagi meningkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

(Empat syarikat Malaysia beroperasi di Mauritius membabitkan pelaburan dalami bank perdaqangan, hotel bertaraf lima bintang dan kilang pakaian).

Dr Mahathir berkata : "Jumlah perdagangan kita telah meningkat sejak empat tahun lepas. Yang lebih penting, kedua-dua negara telah dapat didekatkan hasil pelancaran perkhidmatan udara bersama oleh Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Mauritius." -- Lagi

▼08/02/22-17MST

CNS8594

u GB 08-02 00175 BH581

bah

Mahathir - Selatan 3 Kuala Lumpur

(Mauritius terletak dekat pantai tenggara Afrika dan mempunyai penduduk berjumlah 1.1 juta dan perjalanan ke negara itu melalui udara mengambil masa kira-kira enam jam setengah dari Kuala Lumpur.)

Dr Mahathir berkata walaupun kemajuan menggalakkan dicapai dalam hubungan ekonomi dua hala, masih banyak bidang lain yang belum diterokai.

Beliau menggesa sektor swasta kedua-dua negara merebut peluang bagi meningkatkan perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi.

Mengenai arena antarabangsa, Dr Mahathir berkata sebagai anggota Selatan, Pergerakan Negara-negara Berkecua3.i. dan Komanwel, kedua-dua negara mempunyai pandangan yang serupa berhubung dengan kebanyakan isu, satu daripadanya ialah yang menyentuh Afrika Selatan.

"Walaupun kita menyambut baik perubahan sikap dan usaha rejim Pretoria untuk membubarkan saki baki peninggalan apartheid, Malaysia berpendapat bahawa kemajuan yang lebih pesat perlu demi mewujudkan Afrika Selatan yang benar-benar demokratik dan tidak berunsur perkauman," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyambut baik program-program penyesuaian politik dan ekonomi ke arah mewujudkan dasar yang liberal yang dilaksanakan di kebanyakan negara Afrika. -- Lagi

▼08/02/22-18MST

CNS8596

U GB 08-02 00135 BH582

bah

Mahathir - Selatan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Mauritius, yang boleh berbangga kerana memperkenalkan pembaharuan yang sama beberapa tahun lepas telah menjadi contoh bagi negara-negara jirannya, kata beliau.

Beliau berkata: "Perang Dingin yang berakhir menjanjikan harapan baru bagi dunia tetapi harapan itu nampaknya meleset berdasarkan pergolakan sejak akhir-akhir ini di kebanyakan kawasan di dunia.

"Yang kita nampak sekarang ialah kecenderungan kuasa yang kuat untuk mengambil tindakan ke atas negara-negara kecil. Contohnya, ialah pelaksanaan Resolusi PBB secara memilih-milih."

Dalam bidang ekonomi pula, perdagangan bebas tidak lagi bebas dalam erti kata sebenar kerana pelbagai sekatan tarif dan bukan tarif dikenakan.

Sekatan-sekatan ini, kata Dr Mahathir, merupakan ancaman kepada kernakmuran ekonomi kebanyakan negara membangun kerana perdagangan luar merupakan sumber penting bagi hasil pertukaran luar. -- Bernama